

13 OCT 2003
APEC-KEJUTAN
KEJUTAN UNTUK DR MAHATHIR DI APEC

Oleh: Siti Hawa Othman dan Arul Rajoo

BANGKOK, 13 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik 2003 (APEC) ke-11 yang bermula dengan mesyuarat pegawai kanan (SOM) esok, berkemungkinan memberi kejutan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Negara tuan rumah, Thailand membisu mengenai perkara itu.

"Ia mungkin merancang sesuatu, tetapi ianya rahsia," kata Ketua Pengarah Kementerian Luar Thailand, Sihasak Phuangketkeaw pada taklimat media pertama mengenai APEC (mulai 14-21 Okt) di sini hari ini.

Beliau berkata memandangkan kali ini merupakan mesyuarat APEC terakhir yang akan dihadiri oleh Dr Mahathir, para pemimpin mungkin merancang sesuatu sebagai tanda penghargaan terhadap segala usaha-usaha, sumbangan dan sokongan beliau terhadap APEC.

Sihasak berkata demikian sebagai menjawab soalan wartawan yang ingin tahu jika akan terdapat sebarang penghargaan khas yang dirancang oleh penganjur untuk Dr Mahathir.

Dr Mahathir dijangka tiba di sini pada 19 Okt bagi menghadiri mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC yang akan berlangsung selama dua hari mulai 20 Okt.

Perdana Menteri, yang akan bersara hujung bulan ini, menerima ucapan perpisahan yang penuh emosi semasa menghadiri Sidang Kemuncak Asean terakhir baginya di Bali minggu lepas dengan ucapan khas daripada Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri.

Mengenai keselamatan di APEC yang juga akan menyaksikan kehadiran Presiden Amerika Syarikat George Bush, Sihasak dalam taklimatnya memberi jaminan bahawa langkah-langkah telah dilaksanakan dan diambil bagi memastikan keselamatan para pemimpin yang menghadiri mesyuarat ini.

Beliau yakin keadaan terkawal memandangkan Thailand mendapat sokongan dan kerjasama daripada negara anggota yang lain bagi memastikan tahap keselamatan yang paling ketat pada mesuarat berkenaan.

Mengenai program mesyuarat, beliau berkata SOM akan berlangsung di Queen Sirikit Convention Centre selama dua hari diikuti dengan Mesyuarat Peringkat Menteri APEC (AMM) mulai 17-18 Okt dan Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC mulai 20-21 Okt.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sidang Kemuncak APEC yang akan diadakan di Hotel Shangri-La mulai 19-21 Okt, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) akan berlangsung di Hotel Royal Orchid Sheraton mulai 17-21 Okt, akan dirasmikan oleh Thaksin pada 18 Okt.

Antara pemimpin yang akan tiba awal ialah Presiden Peru, Alejandro Toledo Manrique pada 17 Okt bagi perbincangan dua hala dengan Thaksin dan Presiden China, Hu Jintai, tiba 18 Okt, bagi lawatan negara.

Presiden Bush dijangka tiba di Bangkok pada pukul 10.40 malam pada 18 Okt manakala kebanyakan pemimpin lain pada 19 Okt.

Pertemuan Istirahat pertama Pemimpin Ekonomi APEC akan berlangsung pada pukul 2 petang, 20 Okt, diikuti dengan interaksi dengan ABAC dan kemudiannya pada sebelah petang, para pemimpin akan mengadap Raja dan Permaisuri Thailand.

Istirahat kedua akan diadakan pada sebelah pagi 21 Okt manakala Deklarasi Pemimpin Ekonomi APEC akan dibaca pada 1.15 petang, diikuti dengan sidang media oleh pemimpin hos, Thaksin pada pukul 3 petang.

Pengerusi kemudiannya akan diberikan kepada Chile yang akan menjadi hos

mesyuarat APEC akan datang. -- BERNAMA
SHO AR KTC NHD